

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

8

KHAMIS, 2 JULAI 2020 BH

## Nasional

Pemulihan COVID-19



Dr Noor Hisham bersama pegawai kanan KKM pada sidang media COVID-19 di Kementerian Kesihatan, Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

## Kali pertama sifar jangkitan tempatan

Hanya satu kes import dilapor, 21 lagi pesakit pulih

Oleh Muhammad Yusri Muzammir dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Buat kali pertama, Malaysia merekodkan sifar kes jangkitan baharu COVID-19 membabitkan penularan tempatan.

Bagaimanapun satu kes import dilaporan menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di negara ini sebanyak 8,640 kes.

Ketua Pengaruh Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata bagi kes pulih pula terdapat 21 kes dicatatkan dan menjadikan jumlah kumulatif kes sebanyak 8,375 kes.

Katanya, ia secara tidak langsung menjadikan kes harian COVID-19 dalam kalangan rakyat Malaysia yang mendapat jangkitan tempatan didapati sejak dengan unjuran kes harian dalam pemodelan dan ramalan pada 21 Mei lalu oleh Institut Kesihatan Negara (NIH), KKM.

"Hari ini (semalam) adalah hari bersejarah buat kita semua, hanya satu kes dilaporkan hari ini yang mendapat jangkitan dari luar negara. Manakala sifar kes

dicatatkan bagi kes penularan tempatan.

"Nasihat KKM kepada seluruh rakyat Malaysia, supaya kita tidak leka dan patuh kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) ditetapkan."

"Seperti pernah dimaklumkan sebelum ini, pencapaian ini sememangnya hasil kerjasama setiap peringkat dan lapisan masyarakat dalam memainkan peranan masing-masing."

"Kita juga masyarakat dan negara kita," katanya dalam sidang media COVID-19, di sini semalam.

Bagi kes sembuh pula, Dr Noor Hisham memaklumkan terdapat 21 kes sembuh dilaporkan sehingga jam 12 tengah semalam menjadikan jumlah kumulatif kes pu-

lih sebanyak 8,375 kes bersamaan 96.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Bagi kes kematian, tiada pertambahan kes dicatatkan semalam dan jumlahnya kekal 121 kes atau 1.40 peratus. Untuk rekod, ini adalah hari ke-17 Malaysia tidak mencatatkan kes kematian disebabkan oleh COVID-19.

Justeru, beliau mengucapkan terima kasih seluruh rakyat Malaysia yang banyak membantu KKM sehingga berjaya mengawal penularan itu.

"Kerjasama seluruh rakyat itu dapat dilihat pada jumlah kes baharu yang dicatatkan semalam apabila mencatatkan sifar kes penularan tempatan dan hanya satu kes positif yang mendapat jangkitan dari luar negara," katanya.

Beliau berkata, pencapaian itu sememangnya hasil kerjasama setiap peringkat lapisan masyarakat yang memainkan peranan masing-masing.

"Ini termasuk mengamalkan kebiasaan baharu dalam kehidupan sehari-hari dan pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan."

"Penurunan kes harian ini juga menggambarkan kesedaran masyarakat terhadap kawalan kendri dan tanggungjawab sosial."

"Ini semua normal baharu yang perlu diamalkan secara meluas dan berterusan bagi memastikan kita berjaya dalam memerangi wabak COVID-19," katanya.

**Hari ini (semalam)**  
**adalah hari bersejarah**  
**buat kita semua,**  
**hanya satu kes**  
**dilaporkan hari ini**  
**yang mendapat**  
**jangkitan dari luar**  
**negara.**

Dr Noor Hisham Abdullah,  
Ketua Pengaruh Kesihatan

## Lebih 1,400 belum buat saringan kedua

**Kuala Lumpur:** Polis akan memburu lebih 1,400 rakyat Malaysia yang kuarantin 14 hari di rumah selepas pulang dari luar negara, tetapi masih belum menjalani ujian saringan COVID-19 kali kedua hingga kini.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata golongan itu wajib menjalani saringan kedua pada hari ke-13 selepas didapati negatif pada ujian pertama.

Jika gagal berbuat demikian, beliau berkata, mereka melanggar prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan serta akan dikenaikan tindakan bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

"Ada 1,400 orang yang degil ini. Insya-Allah, kita akan menghantar polis untuk mencari mereka supaya menjalani ujian saringan kali kedua.

"Justeru, sama ada mereka hendak menunggu polis datang atau sendiri pergi ke klinik atau menelepon pihak Kementerian Kesihatan (KKM) untuk membuat temu janji bagi melakukan ujian saringan itu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di Putrajaya, semalam.

Sebelum ini, KKM memaklumkan lebih 1,400 rakyat Malaysia yang pulang dari luar negara dan kuarantin di rumah, masih belum menjalani ujian saringan COVID-19 kali kedua.

Katanya, walaupun rakyat Malaysia yang baru pulang dari luar negara dibenarkan menjalani kuarantin di rumah, mereka tetap perlu mematuhi SOP ditetapkan.



Ismail Sabri Yaakob

Antaranya, memakai gelang tangan pengesanan COVID-19 menunjukkan sudah menjalani ujian saringan serta didapati negatif, tidak boleh meninggalkan bilik dan rumah serta mesti menjalani ujian saringan kedua pada hari ke-13.

"Jika ia didapati negatif, kita akan memotong gelang tangan itu yang menunjukkan mereka bebas COVID-19. Justeru, mereka mesti melaksanakan ujian saringan kali kedua," katanya.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan (KKM) mempunyai data lengkap, termasuk alamat kediaman lebih 1,400 rakyat Malaysia dikuarantin di rumah selepas pulang dari luar negara, tetapi masih gagal menjalani saringan COVID-19 kali kedua hingga kini.

Ketua Pengaruh Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, menegaskan pihaknya maklum mengenai lokasi terkini kumpulan berkenaan, selain mengesahkan keseluruhan mereka.

"Kita akan lakukan pengesanan kenapa mereka tak hadir (menjalani saringan kedua COVID-19 serta ke Pusat Kesihatan Daerah) dan sebagainya," katanya di sini, semalam.

## Kes demam campak, HFMD turun 60 peratus

**Putrajaya:** Jumlah kes demam campak serta penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di negara ini menurun lebih 60 peratus melalui amalan penjagaan kebersihan dan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) COVID-19.

Ketua Pengaruh Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pematuhan itu mampu memutuskan jangkitan sebarang penyakit berjangkit.

"Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan mengeluarkan kejadian berkenaan perkara ini tetapi apa yang saya ingin nyatakan ialah pematuhan SOP dan amalan menjaga kebersihan dapat memutuskan jangkitan pe-


nyakit berjangkit."

"Walaupun tindakan kita adalah untuk (mengekang penularan) COVID-19, tetapi penyakit berjangkit lain yang menular seperti campak dan HFMD berkurangan lebih 60 peratus melalui SOP itu," katanya dalam sidang media COVID-19, di sini semalam.

Selain itu, katanya Kementerian Kesihatan (KKM) yakin mampu mengekang penularan sejenis virus selesama babi dinamakan G4 melalui amalan penjagaan kebersihan dan SOP.

"Saya yakin kita boleh memutuskan rantai jangkitan penyakit berjangkit, termasuk H1N1 atau G4," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO  
 MUKA SURAT : 8  
 RUANGAN : LOKAL



Oleh Shamran Sarahan  
 am@hmetro.com.my

#### Putrajaya

**S**ejarah tercipta semalam apabila tiada jangkitan baharu Covid-19 dalam negara membabitkan penularan tempatan, hanya satu kes direkodkan berkaitan kes import.

# Jangkitan sifar!

*Satu kes baharu dicatat babitkan kes import*



Sehingga kini, hanya empat pesakit positif Covid-19 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)"

Dr Noor Hisham

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes baharu yang dilaporkan membabitkan warga tempatan yang pulang dari Turki.

Beliau berkata, susulan

pertambahan kes baharu itu, jumlah kumulatif kes keseluruhan penularan wabak berkenaan dalam negara sebanyak 8,640 kes.

"Kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 membabitkan 144 kes dan mereka sudah diasingkan dan diberi rawatan," katanya pada sidang media harian perkembangan terkini Covid-19 di sini, semalam.

Terdahulu, Dr Noor Hisham berkata, ada 21 kes yang pulih daripada Covid-19 dengan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya dan discaj

wad sebanyak 8,375 kes, 96.93 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Sehingga kini, hanya empat pesakit positif Covid-19 dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), dua daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

"Tiada kematian berkaitan jangkitan Covid-19 dilaporkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC), menjadikan jumlah kumulatif kes kematian akibat jangkitan wabak itu kekal 121 kes," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

12



MEMERANGI WABAK COVID-19

KHAMIS 2 JULAI 2020 • SINAR HARIAN

# Rekod tercipta, hanya satu kes baharu

Tiada kes penularan dalam negara yang dilaporkan semalam

PUTRAJAYA

Tiada kes yang dilaporkan mendapat jangkitan dari dalam negara iaitu penularan tempatan, sama ada dalam kalangan warganegara Malaysia mahupun bukan warganegara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, selain itu buat pertama kali ini, Malaysia mencatatkan kes harian Covid-19 yang terendah semalam iaitu dengan hanya satu kes baharu sepanjang gelombang kedua pandemik itu dengan jumlah keseluruhan 8,640 kes.

"Sukacita dimaklumkan ba-



FOTO: BERNAMA

Dr Noor Hisham (tiga dari kiri) bersama warga kementeriannya menunjukkan kertas tertera nombor 1 menandakan satu kes baharu dilaporkan dan kes tersebut adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara dan tiada kes penularan dalam negara dilaporkan pada sidang akhbar di Putrajaya semalam.

hawa tiada kes penularan dalam negara yang dilaporkan pada hari ini (semalam).

"Ingin dimaklumkan bahawa satu kes baharu yang dilaporkan adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara iaitu Turki. Syabas kepada semua pihak terutama masya-

rakat Malaysia di atas pencapaian ini," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurutnya, tiada pertambahan kes kematian berkaitan Covid-19 dilaporkan sejak 15 Jun menjadikan jumlah kumulatif kes kematian kekal 121 kes.

Memperincikan perkem-

bangan Covid-19, Dr Noor Hisham berkata, kes harian dalam kalangan rakyat Malaysia iaitu yang mendapat jangkitan di dalam negara didapati sejajar dengan unjuran kes harian dalam pemodelan dan ramalan pada 21 Mei 2020 oleh Institut Kesihatan Negara Kementerian Kesehatan (KKM).

Katanya, pencapaian itu sememangnya hasil kerjasama setiap peringkat dan lapisan masyarakat dalam memainkan peranan masing-masing termasuk mengamalkan kelaziman baharu dalam kehidupan sehari-hari dan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.

Jelas Dr Noor Hisham, penurunan kes harian juga menggambarkan kesedaran masyarakat terhadap kawalan kendiri dan tanggungjawab sosial.


"Adalah diharapkan agar setiap lapisan dan kumpulan masyarakat dapat mengamalkan

jarak sosial yang selamat iaitu sekurang-kurangnya satu meter antara satu sama lain, kebersihan diri yang tinggi, mengelakkan kawasan yang sempit dan sesak serta mengelak beratur dengan jarak yang dekat," katanya.

Dr Noor Hisham turut mengingatkan orang ramai bahawa pandemik itu masih lagi bertebaran di seluruh dunia dan penularan semula jangkitan Covid-19 di Malaysia masih boleh berlaku sekiranya rakyat leka dan mengambil mudah dengan saranan, arahan serta amaran kerajaan.

Menurutnya, ibu bapa dan penjaga diminta agar terus mendidik anak mengenai amalan dan kelaziman baharu kerana ia amat penting untuk menjaga keselamatan dan kesihatan mereka memandangkan sesi persekolahan bakal dibuka semula, dan nasihat kesihatan juga perlu diterapkan bermula dari rumah. - Bernama

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NEWS/NATION

## TRANSMISSION CHAIN

## 'Covid-19 S.O.Ps curbing other infectious diseases too'

**PUTRAJAYA:** The standard operating procedures (SOP) coupled with strict border control will not only help prevent the spread of the Covid-19 infection, but also break the transmission chain of other infectious diseases in the country.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said this on the heels of a significant drop in communicable disease cases nationwide, with more than 60 per cent reduction since the SOP on Covid-19 came into force.

"Although the actions taken are meant to prevent the spread of Covid-19, the SOPs have helped to reduce cases of other infectious disease transmittable by touching and other similar routes of transmission."

"The country recorded a drop of more than 60 per cent of cases involving measles, HFMD and chicken pox throughout the implementation of the Covid-19 SOPs, which among others, encourage the people to practise good personal hygiene and exercise social distancing."

"If we continue to strengthen border control and continue to comply with the SOPs, I believe we can break the transmission chain of other infectious diseases, including the swine flu and H1N1 (Influenza A) in the country."

Dr Noor Hisham said this yesterday when asked to comment on the measures that would be taken by the ministry to prevent a new type of swine flu that was reportedly discovered in China from reaching Malaysian shores.

"The Veterinary Services Department will issue a statement related to the (measures to prevent the new type of) swine flu (in the country)."

AFP quoted a study published by a United States science journal on Monday as stating that researchers in China had discovered a new type of swine flu with the potential of becoming a pandemic. The authors of the *Proceedings of the National Academy of Sciences of the United States of America* scientific journal named the new type of swine flu G4.

The new type of virus, the authors said, was genetically descended from the H1N1 strain that caused a pandemic in 2009.

Malaysia, Dr Noor Hisham said,

could maintain zero daily Covid-19 transmission for the next 28 consecutive days if the people continue to adhere to guidelines set by the authorities. This follows yesterday's single new infection case, the lowest since the second wave of the pandemic in the country. It involved a Malaysian returning home from Turkey.

"Today (yesterday) is a good start. The country recorded zero (daily) local transmission. What is important to us right now is to sustain this for the next 28 days."

"If the people continue to adhere to the SOPs, I am sure that we can achieve zero cases for the next 28 days."

He was asked to comment if the ministry would consider a proposal for the ongoing Recovery Movement Control Order (RMCO), scheduled to end on Aug 31, to be lifted earlier.

He said 21 people had been discharged up to noon yesterday, bringing the cumulative number of recoveries to 8,375 cases or 96.9 of the total number of cases.

The number of active Covid-19 cases stood at 144. The Covid-19 death toll remained at 121 since there were no fatalities reported to the Crisis Preparedness and Response Centre yesterday.

Dr Noor Hisham said the ministry aimed to open more sectors following the implementation of the RMCO, which came into force since June 10.

"The ministry will continue to keep a close watch on the local Covid-19 transmission cases."

Apart from continuous monitoring, screening and surveillance of infectious disease and Severe Acute Respiratory Infection cases at health facilities nationwide, Dr Noor Hisham said the ministry would maintain conducting pre-surgery Covid-19 testing and screening.

He described the preoperative Covid-19 testing and screening as a good indicator to reflect community transmission related to the virus.

"The community transmission that has been detected by the ministry via preoperative testing stood at 0.1 per cent. The ministry will continue conducting surveillance as well as boosting capacity at our sentinel clinics and hospitals," he said.



Datuk Dr Noor Hisham Abdullah

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NATION

## Health DG: No local transmission recorded

By JOSEPH KAOS Jr  
joeakosjr@thestar.com.my

**PUTRAJAYA:** As Malaysia finally reaches a day without any new local Covid-19 case, the Health Ministry is targeting to sustain this for 28 days.

Health director-general Datuk Dr Noor Hisham Abdullah said for this target to be achieved, Malaysians must continue to comply with the ministry's Covid-19 standard operating procedure (SOP).

"The ministry will continue to closely monitor the locally transmitted cases. Today (yesterday) is a good start, we have zero local transmission."

"What is more important is for us to maintain and sustain the zero local transmission for the next 28 days."

"I am sure we can achieve that together if everyone adheres to the ministry's SOP," he told reporters yesterday.

The ministry uses 28 days as a benchmark as it corresponds to two Covid-19 incubation cycles.

A Covid-19 cluster can only be declared closed when there are no new cases for 28 continuous days.

Dr Noor Hisham previously said that the ministry could only declare the country free of Covid-19 if it has no new infections for 28 days.

Earlier, he said the country had only one new Covid-19 case, but it was an imported case involving a 21-year-old Malaysian who returned from Turkey.

The last time Malaysia had a



All under control:  
Dr Noor Hisham (centre) and his deputies, Datuk Dr Chong Chee Kheong (left) and Dr Hishamshah Mohd Ibrahim showing the daily Covid-19 figures in Putrajaya.  
— MOHD SAHAR MISNI/The Star

lower number of daily cases was on Feb 26, when there were zero cases reported that day.

Since Monday, the country has reported only six new cases.

There are no deaths for 16 days in a row, and with 21 more patients discharged yesterday, the number of active cases has gone down to 144.

Dr Noor Hisham described the achievement as "historical" and congratulated Malaysians for playing their part in reducing the number of cases.

But with schools set to be reopened, he urged parents to continue educating their children on the new

norms and practices post-Covid-19.

"The ministry will continue to monitor the situation at the newly reopened sectors, including schools, and conduct surveillance on the number of cases in the country."

"Our intention throughout the recovery movement control order (MCO) is to open up more sectors."

"Should an outbreak occur, we will close down the facilities that are affected and then conduct screening on the people there, just like what we have done in the past," he said.

The ministry continuously conducts targeted testing on high-risk groups that have been identified

even if there are no new cases.

"For example, old folk's homes and markets are considered high-risk groups. We still conduct screenings there even if there is no spike in cases."

"Recently, we found a case in a Sandakan market, and we duly had the place shut down," he said.

The recovery MCO period is scheduled to end on Aug 31.

The government has so far allowed many sectors and businesses to resume, including domestic tourism, interstate travel, theme parks and education, among others.

However, strict social distancing rules are still enforced.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEW WITHOUT BORDERS

## Zero new local infections recorded

BY ELLY FAZANIZA

newsdesk@thesundaily.com

**PETALING JAYA:** There were no new cases of locally transmitted Covid-19 infections in Malaysia as of noon yesterday.

This is the first time in four months that local transmission of the infection has dropped to zero.

Health director-general Datuk Seri Dr Noor Hisham Abdullah attributed the success to the strict adherence to the standard

operating procedures (SOP) by Malaysians.

There were no new fatalities yesterday either, leaving the death toll at 121 for 17 days in a row.

However, there was one imported case, according to Noor Hisham. This brought the total number of cases since the outbreak began in Malaysia to 8,640.

Noor Hisham told a media conference yesterday that another 21 patients were discharged from hospital, bringing the number of

those who have recovered to 8,375, or 96.9% of the total number of cases.

This leaves 144 active cases. Four patients are still in intensive care and two of them still require the aid of ventilators to breathe.

The one new case yesterday is that of a 21-year-old Malaysian who had just returned from Turkey. However, he has yet to show any symptoms of Covid-19 infection.

Noor Hisham said the success in preventing new cases is a reflection

of the people's strict practice of self-regulation and social responsibility.

However, he also cautioned the people against complacency, considering that many other countries are still facing the brunt of the pandemic.

He warned that a second wave of the infection could happen if people begin to ease up on observing the SOP, adding the Health Ministry wants to stress that the cooperation of all parties is needed to stem Covid-19.